

Jenis Akhbar : Utusan Borneo Sabah

Tarikh : 02/04/2026

Edisi / Muka Surat : Sabah / 8

Tajuk : 13 Pelajar Sabah Terima Dana Pendidikan Yayasan ANGKASA

13 pelajar Sabah terima dana Pendidikan Yayasan ANGKASA

KOTA KINABALU: Semalam 13 pelajar dari Sabah menerima dana pendidikan daripada Yayasan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) sepanjang tahun lalu.

Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan, Datuk Ewon Benedict, merakamkan penghargaan kepada ANGKASA atas komitmen berterusan menyediakan pembiayaan pendidikan kepada pelajar Sabah.

Beliau berkata, kesemua penerima sedang mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang di beberapa institusi pengajian tinggi, termasuk Universiti Malaysia Sabah (UMS), North Borneo University College, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya, Kota Kinabalu

serta Universiti Teknologi MARA (UiTM).

"Kesemua mereka merupakan anak kepada ahli koperasi, dengan jumlah pembiayaan yang diterima antara RM8,400 hingga RM17,500 seorang.

"Yayasan ANGKASA turut menyediakan kemudahan pembiayaan pendidikan tanpa faedah yang boleh diubah kepada biasiswa, melibatkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah dalam negara," katanya selepas menerima kunjungan hormat dan taklimat daripada delegasi ANGKASA dan Yayasan ANGKASA, di pejabatnya, di sini, pada Selasa.

Kunjungan itu diketuai oleh Pengerusi ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah dan disertai oleh Pengerusi Jawatankuasa ANGKASA Negeri Sabah, Dr Zhamrie Gulamrasul, Pengurus ANGKASA Negeri Sabah Antony Barubui,



CENDERAHATI: Ewon (empat kanan) menerima cenderahati daripada Abdul Fattah pada majlis itu.

pegawai-pegawai kanan ANGKASA dan Yayasan ANGKASA.

Dalam pada itu, Ewon menyatakan sokongan terhadap usaha Yayasan ANGKASA untuk memperluaskan pelaksanaan program penajaan pendidikan bagi memberi manfaat kepada lebih ramai anak ahli koperasi.

Sementara itu, Pengurus Besar Yayasan ANGKASA,

Haslinda Ahmad, berkata pihaknya merancang untuk menganjurkan Majlis Makan Malam Gala pada November ini sebagai platform strategik bagi mengumpul dana pendidikan.

Menurutnya, penganjuran majlis di Sabah adalah selaras dengan usaha memperluaskan capaian bantuan kepada pelajar di negeri ini, selain memperkukuh

jaringan kerjasama dengan meneruskan usaha melalui koperasi serta rakan strategik tempatan.

"Inisiatif ini tidak akan menjayakan peluang pe-utama pengumpulan dana. Mohon dari Semenanjung Beliau berkata, penganjuran ini juga berperanan sedia ada seperti peruntukan sebagai inisiatif intervensi ANGKASA, KWAPK, sum-untuk merapatkan jurang kerajaan korporat serta agensi akses pendidikan serta kerajaan terus memberi tum-ningkatkan jumlah dana yang puan kepada keperluan didapati disalurkan kepada pelajar, khususnya dari Sabah.

"Usaha ini merupakan kesinambungan daripada pelancaran tabung pendidikan pada Oktober tahun lalu yang mendapat sambutan nenggalakkan daripada koperasi, agensi serta masyarakat setempat," jelasnya.

Pada Oktober 2025, Ewon ketika itu masih menjawat awatan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia melancarkan Tabung Pendidikan Yayasan ANGKASA bagi pelajar Sabah.

Katanya, berdasarkan momentum positif ini, Yayasan ANGKASA bercadang

meneruskan usaha melalui penganjuran majlis makan malam gala dengan konsep

menjelaskan peluang pe-utama pengumpulan dana. Mohon dari Semenanjung Beliau berkata, penganjuran ini juga berperanan sedia ada seperti peruntukan sebagai inisiatif intervensi ANGKASA, KWAPK, sum-untuk merapatkan jurang kerajaan korporat serta agensi akses pendidikan serta kerajaan terus memberi tum-ningkatkan jumlah dana yang puan kepada keperluan didapati disalurkan kepada pelajar, khususnya dari Sabah.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA